



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

KEMBARA KERJAYA MADANI SPA KUANTAN: PELUANG KERJAYA UNTUK SEMUA

KUANTAN, 25 Januari 2026 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) komited meneruskan **Kembara Kerjaya MADANI SPA** dengan memilih Bandar raya Kuantan sebagai lokasi pertama bagi tahun 2026. Seramai 1,500 orang pengunjung hadir melebihi sasaran di ketiga-tiga lokasi program iaitu di Hotel Zenith, Kuantan sebagai lokasi utama program di samping dua lagi lokasi di Dewan Makmur Ar-Rahman, Perumahan Kastam Sultan Ahmad Shah dan Pusat Temu Duga SPA Kuantan. Turut hadir YBhg. Dato' Seri Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus, Pengerusi SPA dan SPKP.

Pelbagai pengisian telah dilaksanakan sepanjang program berlangsung di Hotel Zenith, Kuantan. Antaranya, perkhidmatan konsultasi SPA berkaitan pengambilan ke perkhidmatan awam, panduan permohonan jawatan, semakan status permohonan serta pendaftaran melalui Sistem Permohonan Jawatan S.P.A (SPA9). Selain itu, turut diadakan sesi perkongsian panduan temu duga oleh Ahli Suruhanjaya dan taklimat kerjaya daripada pegawai SPA, Kementerian Kesihatan Malaysia, MYDigital ID dan PERKESO.

Bersempena Kembara Kerjaya MADANI SPA Kuantan, **Ujian Pemeriksaan Fizikal, Pancaindera dan Kecergasan secara terbuka (WIN UFPK)** telah dilaksanakan di Dewan Makmur Ar-Rahman, Perumahan Kastam Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang. WIN UFPK adalah salah satu inisiatif SPA dalam mendapatkan calon pemohon pekerjaan yang berkualiti ke perkhidmatan awam bagi klasifikasi perkhidmatan keselamatan dan pertahanan awam. Calon yang berjaya melepasi WIN UFPK juga memperolehi insentif menarik iaitu menduduki PSEE sebagai profiling dan

tempoh sah laku keputusan bagi calon yang lulus adalah selama satu (1) tahun dari keputusan dikeluarkan.

Bukan itu sahaja, turut diadakan **Temu Duga Terbuka bagi jawatan Jururawat Gred U5** di Pusat Temu Duga SPA Kuantan, yang memberi peluang kepada calon berkecenderungan untuk menghadiri sesi temu duga secara langsung pada hari ini. Calon yang berjaya akan diperakukan sebagai calon simpanan (*Pool of Candidates*) dan tawaran serta penempatan pelantikan adalah tertakluk kepada calon memenuhi syarat yang telah ditetapkan dan berdasarkan kekosongan jawatan di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kembara Kerjaya MADANI SPA merupakan inisiatif berterusan SPA dalam usaha mendekati rakyat serta memberi pendedahan, galakan dan panduan kepada pencari kerja khususnya di negeri Pahang untuk mendapatkan peluang kerjaya dalam sektor awam. Program ini juga berperanan sebagai platform penghubung antara SPA dan masyarakat setempat dalam menyampaikan perkhidmatan secara terus dan bersemuka.

SPA sentiasa komited untuk memastikan peluang kerjaya dalam perkhidmatan awam dapat di akses secara saksama oleh seluruh rakyat Malaysia. Justeru, Program Kembara Kerjaya MADANI ini menjadi medium penting dalam usaha mendekati pencari kerja serta memperkukuh penyampaian perkhidmatan SPA secara inklusif dan berfokus kepada rakyat.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
25 JANUARI 2026